

28/03/2003

Malaysia diiktiraf penganjur terbaik bot laju dunia

Zairee Zahir

MALAYSIA yang menyapu bersih semua enam kategori dalam penganjuran acara Perlumbaan Bot Laju Formula 1 Dunia 2002, memenangi anugerah Penganjur Terbaik buat kali kedua berturut-turut, di Lausanne Switzerland, kelmarin.

Anugerah tertinggi itu yang diraih selepas menjadi penganjur buat kali pertama pada 2001, diputuskan panel hakim terdiri daripada wakil Union Internationale Motonautique (UIM), promoter antarabangsa, anggota pasukan dan media antarabangsa.

Anugerah disampaikan Promoter UIM, Nicolo Di San Germano kepada Pengarah Urusan H2) Sports Sdn Bhd, Datuk Yahya A Jalil dalam satu majlis makan malam `Anugerah Kecemerlangan Musim 2002' di Mines de Sel de Bex, di bandar itu. Hadir sama Setiausaha UIM, Regine Vanderkerhove.

Malaysia merangkul anugerah itu selepas memenangi kesemua enam kategori yang diambil kira iaitu suasana kemeriahan dan jamuan, kemudahan media, hotel dan penginapan, hiburan atas air serta sokongan kerajaan. Setiap kategori diberi tiga mata maksimum.

Anugerah itu adalah satu kebanggaan buat negara yang menjadi penganjur perlumbaan itu buat musim kedua, tahun lalu. Malaysia menganjur perlumbaan itu buat kali pertama pada 2001 di Johor Baharu dan tahun lalu dipilih sebagai penganjur terbaik.

"Anugerah ini adalah atas usaha keras dan komitmen penganjur yang memastikan acara itu dapat diadakan dengan meriah dan lancar," kata Yahya dalam satu kenyataan.

Katanya sokongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta kerajaan Malaysia yang memberi galakan, sokongan dan motivasi membolehkan promoter tempatan, H2O Sports Sdn Bhd mencapai kejayaan menganjurkan perlumbaan itu.

"Saya ingin berterima kasih kepada Perdana Menteri dan kerajaan kerana sokongan yang diberikan kepada kami dalam menganjurkan perlumbaan itu. Dr Mahathir memainkan peranan penting dalam visi dan tanggungjawabnya membawa acara sukan air terunggul dunia itu ke Malaysia tiga tahun lalu," katanya.

Yahya berkata, kejayaan itu bukan saja satu pengiktirafan kepada H2O Sports tetapi juga rakyat negara ini khususnya Mines Resort City yang menawarkan gelanggang perlumbaan, penaja utama Kumpulan Sapura serta penaja-penaja bersama.

Mengenai penganjuran musim ini, H2O berazam memperbaiki beberapa aspek yang sudah dikenal pasti iaitu program promosi, infrastruktur, pembabitan peserta dan orang ramai serta mempromosikan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan sukan.

Perlumbaan GP Malaysia musim 2002 disaksikan lebih setengah juta penonton di seluruh dunia menerusi televisyen secara langsung atau siaran tertunda.

Dalam kalendar baru perlumbaan Bot Laju Formula 1 2003, dua buah gelanggang baru diperkenalkan iaitu Sentosa di Singapura dan Sunset Beach di Arab Saudi. Perlumbaan GP Malaysia diletak sebagai perlumbaan pusingan ketujuh daripada 11 pusingan dan dijadual di Mines Resort City, 4 and 5 Oktober depan.